

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(X)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN  
YB. GOH CHOON AIK**

1. Sila nyatakan definisi, garis panduan Eco City Batu Kawan serta huraikan tahap pencapaian elemen berikut:-
  - (a) Nyatakan kawasan dan keluasan tanah yang dizonkan sebagai tempat *ecological preservation*.
  - (b) Berapakah kilang dan projek komersial yang mendapat pengiktirafan *Green Building Index*?
  - (c) Berapakah peratusan bangunan yang mematuhi konsep *Zero Renovation* mengikut pecahan kediaman, komersial, kilang?.

**JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI**

1. *Eco-City* Batu Kawan adalah sebuah bandar yang dibina dengan mengambil prinsip kehidupan bersama alam sekitar. Matlamat utama pembangunan *Eco-City* adalah untuk mengurangkan pengeluaran sisa karbon (*low carbon city*), menggunakan tenaga melalui sumber yang boleh diperbaharui dan hubungan bandar secara harmoni bersama alam semula jadi.

Pendekatan yang diterapkan dalam *Eco-City* ini diharapkan akan dapat menjadikan Batu Kawan sebagai pusat pertumbuhan yang dapat merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri untu menjadi *green city*, *eco-friendly* dan pembangunan yang menitikberatkan teknologi hijau serta pembangunan yang mengurangkan karbon.

9 komponen utama yang menjadi rujukan garis pembangunan adalah:

- (i) Aksesibiliti;
- (ii) *Zero Renovation*;
- (iii) Unit Kejiranan;
- (iv) Bandar Selamat;
- (v) Pengekalan Ekologi Sedia Ada;
- (vi) Rumah Mampu Milik;
- (vii) *Green Building*;
- (viii) Kejiranan Hijau; dan
- (ix) Pengurusan Sisa Pepejal.

Garis Panduan tersebut juga menjadi dasar pembangunan yang akan disokong dengan Pelan Induk Batu Kawan.

- (a) Kawasan yang telah dizonkan sebagai tempat *Ecological Preservation* adalah paya bakau yang terletak di persisiran sungai dan pantai. Pada masa ini, tiada pengiraan terperinci mengenai keluasan kawasan paya bakau tersebut kerana ia merangkumi sebahagian daripada laut dan sungai. Walau bagaimanapun, kawasan ini dipelihara dengan adanya zon penampungan minima 132 kaki dan tertakluk kepada piawaian yang ditetapkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).
- (b) Sehingga kini, tiada kilang yang mendapat pengiktirafan *Green Building Index*. Walau bagaimanapun sebanyak 10 buah projek komersial telah mendapat pengiktirafan tersebut.

(c) Peratusan bangunan yang mematuhi konsep *Zero Renovation* mengikut pecahan kediaman, komersial dan kilang adalah seperti berikut:-

Bil.	Jenis Pembangunan	Peratusan (%)
1	Kediaman	14%
2	Kilang	12%
3	Komersial	0%